

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,

PRESIDENT PERSATUAN BULAN SABIT MERAH

MALAYSIA DI UPACARA PERBARISAN PERSATUAN

BULAN SABIT MERAH, DI PADANG KELAB

SELANGOR, KUALA LUMPUR, PADA 11HB JULAI,

1976 JAM 8.45 PAGI

Y.B. Puan Aishah Ghani,

Y.M. Tunku Tan Sri Mohamed, Pengerusi

Persatuan Bulan Sabit dan ahli

Jawatankuasanya,

Dan seterusnya, Ahli-ahli Persatuan sekalian.

Saya amat tertarik hati dengan kecekapan dan kebolehan ahli-ahli Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dalam Upacara Perbarisan, merayakan Hari Bulan Sabit dan Palang Merah Sedunia, pagi ini. Sesungguhnya, penyertaan rakyat dari semua peringkat, lebih-lebih lagi pelajar, dari semua kaum, melambangkan semangat persefahaman dan perpaduan

kita, yang memang telah terjalin, dan menjunjung prinsip tinggi Persatuan ini.

2. Saya amat sukacita mendapat tahu bahawa, Perbarisan ini turut disertai oleh wakil-wakil dari seluruh Malaysia, termasuklah dari Sabah dan Sarawak. Penglibatan rakyat dari bandar-bandar dan desa, dalam perkhidmatan sukarela ini, menunjukkan simpati dan dedikasi mereka, membantu orang-orang yang dalam kesusahan, dan memberi pertolongan kepada mereka yang memerlukannya, sama ada dalam masa peperangan atau pun waktu aman. Sekalipun mereka ini terdiri dari berbilang kaum dan keturunan, serta berlainan agama, azam mereka untuk berbakti kepada masyarakat telah mendorong

mereka semua berpadu kearah matalamat yang tinggi ini. Tidak syak lagi, dengan semangat dan perasaan yang mulia ini, mereka akan menjalankan tugas dan kewajipan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi, menjunjung prinsip dan tatasusila Persatuan Bulan Sabit ini.

Saudara-saudara sekalian,

3. Seperti yang termaklum, Persatuan ini yang telah ditubuhkan suku abad yang lalu, di bawah naungan Persatuan Palang Merah British, mula bergerak aktif meluaskan kegiatannya, selepas kemerdekaan, iaitu apabila Persatuan ini bergerak bebas bersendirian, sebagai Persatuan Palang Merah Persekutuan Tanah Melayu.

Mulai tahun 1963, aktiviti Persatuan ini telah diperluaskan ke Sabah dan Sarawak, sejajar dengan sifatnya sebagai Pertubuhan Kebangsaan. Pada tahun lalu, sejajar dengan keperibadian kita sendiri, nama Persatuan telah diubah kepada nama baru, iaitu Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, dengan menggunakan lambang baru iaitu Bulan Sabit Merah.

4. Sekalipun demikian, mataamat dan fungsinya tetap kekal, sama dengan pertubuhan Palang Merah di negara asing. Persatuan Bulan Sabit Merah kita adalah diterima oleh Liga Persatuan Palang Merah Dunia di Geneva ~~atau~~ (League of Red Cross Societies in Geneva).

5. Saya penuh yakin, lambang baru ini tidak mengubah dedikasi kita, tetapi terus memberi inspirasi yang lebih tinggi lagi kepada ahli sekalian, berkhidmat kepada negara dan bangsa kita.

Saudara sekalian,

6. Saya amat bangga kerana di saat perubahan lambang baru ini, saya telah melibatkan diri dengan kegiatan Persatuan ini. Keputusan ini adalah sejajar dengan jiwa saya *sedikit sebanyak,* untuk memberikan sumbangan *sekalipun* saya *selalu* sibuk *dengan urusan² yang lain.*

7. Sebentar lagi, kita akan menyaksikan upacara menurunkan bendera lambang palang merah, dan menaikkan ditempatnya bendera lambang Bulan Sabit Merah yang baru.

8. Secara ikhlas, saya katakan, sungguhpun saya sendiri merasa terharu dengan tamatnya riwayat Palang Merah yang telah lama tertubuh itu, tetapi saya percaya, semangat kita akan terus berkobar, seperti halnya bendera lambang Bulan Sabit Merah berkibar, untuk terus menjalankan khidmat bakti kepada masyarakat seluruhnya. Saya harap, lambang baru ini, bukan sahaja menjadi kemegahan dan kebanggaan setiap ahli Persatuan ini, bahkan dapat menarik

minat lebih ramai lagi rakyat menyertai kegiatan Persatuan kita ini.

Saudara sekalian,

9. Persatuan Palang Merah, dan sekarang Bulan Sabit Merah Malaysia, mempunyai sejarah yang cemerlang, yang boleh kita banggakan. Khidmat bakti yang telah ditunjukkan oleh ahli di waktu aman, masa kecemasan dan malapetaka, sentiasa diingati oleh masyarakat seluruhnya, terutama mereka yang telah merasai dan mengalami sendiri, perkhidmatan sukarelawan yang penuh jujur ikhlas dan dedikasi.

10. Kerajaan adalah sentiasa menghargai jasa-jasa cemerlang, yang telah ditunjukkan oleh sebilangan ahli, pada masa-masa yang lalu. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memberikan bantuan dan galakan, bagi mengekalkan perkhidmatan Persatuan ini, sebagai tambahan kepada tenaga Kementerian Kesihatan, khususnya di hospital-hospital besar.

11. Saya merasa amat bangga dengan peranan setiap ahli Persatuan, mengendalikan perkhidmatan ambulan pada membantu orang-orang yang dalam kecemasan dan kemalangan di kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Saya mendapatahu, purata perkhidmatan ini ^{menyeru} ~~menyahu~~ 15 panggilan

tiap-tiap hari, bagi kes-kes perubatan, atau bersalin, dan kemalangan. Inilah satu perkhidmatan yang patut dihargai oleh masyarakat, oleh kerana tidak banyak khidmat seperti ini diberikan. Saya harap perkhidmatan yang amat berguna ini, dapat diperluaskan ke bandar-bandar besar yang lain di negara ini, supaya faedahnya akan lebih menyeluruh lagi. Tetapi orang ramai mestilah memberikan sokongan.

Saudara sekalian,

12. Saya juga amat menghargai usaha Persatuan menjalankan kempen mendapat lebih ramai lagi bilangan penderma darah di hospital-hospital seluruh negara. Hasil dari usaha ini, bilangan penderma darah telah bertambah dalam

tahun 1974 kepada lebih 4,600 orang berbanding *dengan* seramai hampir 1,700 orang dalam tahun 1973.

13. Saya juga tertarik hati dengan usaha gigih Persatuan, mendapatkan lebih ramai ahli.

Seramai 40,000 ahli, 90 peratus darinya golongan belia dan beliawanis, sentiasa bersedia menjalankan tugas dan kewajipan, menghadapi sebarang kemungkinan dan cabaran. Dengan adanya alat kelengkapan, saya penuh yakin Persatuan mempunyai kemampuan dan kebolehan menjalankan khidmatnya bila-bila masa jua. Saya juga percaya dengan khidmat pucuk-pimpinan yang dinamis, dan mempunyai pandangan jauh, masa depan Persatuan ini amatlah cerah, dan masyarakat am boleh berharap dan bergantung kepadanya mengenai sebarang peranan dan tanggungjawab.

Saudara sekalian,

14. Satu perkara yang patut kita berbangga ialah, Persatuan ini dengan kecekapan aktivitiinya, telah dapat meninggikan imej Malaysia di mata dunia, iaitu menerusi sumbangannya membantu kerja-kerja Persatuan Palang Merah Antarabangsa, di malapetaka Bangladesh baru-baru ini. Saya mengucapkan syabas kepada pegawai dan anggota yang telah menjalankan perkhidmatan ini, yang telah mengharumkan nama baik Malaysia itu. Saya berharap Persatuan ini, di samping menjalankan tugasnya di dalam negeri, akan juga mengambil bahagian yang lebih aktif memberi sumbangan yang lebih berkesan, dalam hal ehwal Palang Merah Antarabangsa.

15. Usaha Persatuan kita melibatkan diri dalam kegiatan dan kerjasama Palang Merah serantau, merupakan keinginan dan semangat setiakawan kita, terutama dalam membantu serta memberi pertolongan kepada rakyat negara-negara ASEAN dan Asia Tenggara yang memerlukan bantuan, akibat sesuatu malapetaka.

16. Dalam hubungan ini, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, adalah badan yang penuh berkuasa, mempelupuri sebarang usaha mendapatkan bantuan atau derma dari rakyat negara ini, untuk menolong rakyat asing yang berada dalam kesusahan itu. Inilah satu jalan yang sewajarnya bagi mengeratkan hubungan persahabatan kita dengan negara-negara itu.

Saudara sekalian,

17. Bagi membolehkan Persatuan kita menjalankan tugas dan peranannya dengan lebih berkesan, saya sukalah, sempena peristiwa yang bersejarah ini, menyeru syarikat-syarikat, ahli-ahli pertubuhan, para dermawan, supaya sentiasa bermurah-hati, menghulur derma dan bantuan, kepada Persatuan ini. Selain dari sumbangan Kerajaan, Persatuan ini memerlukan perbelanjaan sebanyak \$300 ribu setahun, menguruskan kerja-kerja yang sangat berfaedah ini. Saya percaya dengan pertolongan dan bantuan terus menerus pihak swasta dan para penderma, Persatuan ini akan dapat mengatasi kesulitannya.

18. Akhirnya, saya sukalah mengucapkan terima kasih, serta ingin memberi penghargaan kepada setiap pegawai, setiap petugas Persatuan, khasnya yang Di Pertua dan Setiausaha kita.

19. Marilah kita sama-sama berusaha untuk menjayakan Persatuan, dalam segala usaha dan cita-citanya.

Terimakasih.



**PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI**



JUL 1978



No Siri	201
No Penerimaan	16/78